

KANUN TANAH NEGARA

**PERISYTIHARAN JUALAN
PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAIN
DALAM PERKARA SEKSYEN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965
RUJUKAN FAIL: P.T.MJG.500/9/17-2018 (LELONGAN KEDUA)**

Permintaan Oleh,

**LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM
Pemegang Gadaian**

Menurut Perintah Jualan atas permintaan Pemegang Gadaian oleh Pentadbir Tanah Manjung yang diperbuat pada 04 Disember 2018 dengan ini diisyiharkan bahawa Pentadbir Tanah Manjung

AKAN MENJUAL SECARA

LELONGAN AWAM

**PADA HARI RABU BERTARIKH 12/06/2024 JAM 10:00 PAGI DI
PERKARANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG**

NOTA: Bakal-bakal pembida adalah dinasihatkan agar membuat carian rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa harta tanah tersebut sebelum jualan lelong. Bakal-bakal pembida juga digalakkan membuat permohonan atas talian melalui Portal Awam Sistem eTanah di <https://ptg.perak.gov.my/portal/>.

BUTIR-BUTIR HARTANAH

Jenis dan Nombor Hakmilik	GM 1916
No. Lot/PT	Lot 6335
Bandar/Pekan/Mukim	Mukim Lekir
Keluasan Tanah	121 Meter Persegi
Tempoh Pegangan	Selama-lamanya
Cukai Tanah	RM50
Kategori	Bangunan
Syarat Nyata	Kediaman -Rumah Teres
Sekatan Kepentingan	Tanah ini boleh dipindah milik atau dipajak dengan kebenaran bertulis oleh Pihak Berkuasa Negeri
Kawasan Rizab	Rizab Melayu Lekir
Bebanan	Digadaikan kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM mengikut No. Perserahan 02SC2646/2005. Didaftarkan pada 08 Disember 2005.
Lokasi Tanah Hartanah	NO. 37, LORONG LEKIR INDAH 3, TAMAN LEKIR INDAH, 32020 LEKIR, SITIAWAN, PERAK.

HARGA RIZAB: RM112,500.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Tujuh Puluh Satu Ribu Sahaja

Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Penawar memiliki jumlah wang dalam bentuk bank draf di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada jumlah harga Rizab yang ditetapkan iaitu **RM 11,250.00 (Ringgit Malaysia : Sebelas Ribu Dua Ratus Lima Puluh Sahaja)**
2. Amaun penuh harga jualan boleh dibayar oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah;
3. Di mana amaun penuh harga jualan yang tidak dibayar oleh penawar yang berjaya selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah :-
 - i. maka jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (1) akan dilucutahak untuk membayar seluruh wang yang telah genap masa; dan
 - ii. baki deposit seperti tersebut di atas akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
4. Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **09 Oktober 2024** dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan;
5. Di mana harga belian sepenuhnya tidak dapat diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (4), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (3) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutahak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara 1965.
6. Penawar yang ingin mengambil bahagian dalam lelongan ini hendaklah terlebih dahulu mendaftar dan menyerahkan bank draf sebagai bayaran deposit seperti yang dinyatakan dalam para 1 tiga puluh (30) minit sebelum masa lelongan. Mana-mana penawar yang gagal mendaftar dan menyerahkan bank draf tidak layak mengambil bahagian dalam lelongan ini.
7. Bagi hakmilik tanah pegangan melayu, orang melayu atau badan-badan yang didefinisikan sebagai melayu di dalam enakmen rizab melayu sahaja yang dibenarkan untuk mengambil bahagian dan menawar dalam proses lelongan tersebut.

Bertarikh pada 02 Mei, 2024



Pentadbir Tanah
Daerah Manjung
Negeri Perak
Darul Ridzuan